

27/03/2004

DAP jerat Keadilan pikat Melayu

Wan Hazmir Bakar

KETIKA disoal penulis mengenai 3B selepas sidang media bagi mengumumkan calon DAP di ibu pejabat parti berteraskan kaum Cina itu di Petaling Jaya dua minggu lalu, Setiausaha Agungnya, Kerk Kim Hock, mengerutkan dahi sebagai tanda hairan.

Namun sebaik saja dijelaskan 3B merujuk kepada kerusi Parlimen Bukit Bendera, Bentong serta Bakri dan dinyatakan DAP membariskan calon Melayu di kawasan majoriti kaum Cina itu, Kerk dengan pantas menjawab sesiapa saja yang berkelayakan boleh menjadi calon parti itu.

Tetapi, apabila penulis menduga beliau bahawa tujuan sebenar DAP berbuat demikian untuk memecah serta meraih undi Melayu, Kerk menggeleng kepala serta mengangkat bahu seolah-olah meminta simpati sambil berkata:

"Janganlah anggap begitu."

DAP juga menamakan calon Melayu di satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang juga bermula dengan huruf B iaitu Bekok di Johor, pada pilihan raya umum lalu.

Jawapan bernada sayu Kerk itu seolah-olah meminta penulis tidak mengupas sebab sebenar DAP membariskan calon Melayu di tiga kawasan Parlimen itu. Namun, tidak sukar untuk mencongak bahawa DAP pada pilihan raya umum lalu risau akan kehilangan sokongan orang Melayu.

Kebimbangan Kerk menjadi kenyataan apabila beliau kecundang di Parlimen Kota Melaka, iaitu kubu kuat DAP yang menjamin kemenangan kepada pemimpin parti itu sejak 1969. Kerk bukan saja gagal mempertahankan kerusi yang dimenangnya pada 1999 tetapi bertindak meletak jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP dan bersara daripada politik.

Bagaimanapun, kekecewaannya dihalakan kepada pengundi Melayu, terutama di DUN Teluk Mas dan Duyong yang dipersalahkan sebagai punca kekalahan DAP di Kota Melaka.

Kerk berkata, kajian DAP mendapati beliau kehilangan 4,483 undi Melayu di DUN Teluk Mas dan 7,157 undi di DUN Duyong. Beliau juga kehilangan 2,742 undi Melayu bagi DUN Bandar Hilir, Kota Laksamana (3,868) dan Kesidang (303).

"Keadaan ini jauh berbeza berbanding Pilihan Raya Umum 1999 apabila pengundi DUN turut memberi undi kepada calon Parlimen yang diwakili pembangkang. Kali ini, mereka memberi undi kepada calon BN sama ada di DUN dan Parlimen.

"Ia sungguh menghairankan dan inilah punca kekalahan kami," kata Kerk yang tidak lagi cuba menyorok hakikat DAP tidak lagi mendapat sokongan pengundi Melayu seperti pada Pilihan Raya Umum 1999.

Pada pilihan raya umum itu DAP berpakat dengan Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) membentuk barisan pembangkang ala Barisan Nasional (BN) untuk mengambil kesempatan daripada kemarahan orang Melayu serta perpecahan dalam Umno berikutan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Untuk pertama kali dalam sejarah pilihan raya negara, ramai pengundi Melayu yang marah dan kecewa sanggup mengetepikan prinsip bangsa dan juga prasangka terhadap parti berteraskan kaum Cina itu untuk memangkah DAP.

Ramai orang Melayu ketika itu mahu melihat Umno serta BN yang dipimpin Tun Dr Mahathir Mohamad yang dituduh pemerintah zalim kecundang supaya Anwar dibebaskan. Untuk mencapai matlamat itu, mereka sanggup menyokong DAP walaupun sejarah membuktikan parti itu bukan pembela kepentingan orang Melayu.

DAP yang mengimpikan sokongan membabi buta orang Melayu itu sanggup tidur sebantol dengan Pas walaupun ideologi mereka jauh berbeza. Akibat tertidur selepas disorongkan bantal empuk Pas, DAP tersungkur apabila ramai pengundi Cina yang selama ini menyokong ideologi Malaysian Malaysia, beralih kepada BN kerana bimbang cita-cita besar Pas itu menjadi kenyataan.

DAP bukan saja kehilangan status ketua pembangkang di Dewan Rakyat selepas Pas dan Keadilan mengatasi kekuatannya, malah nasib DAP dalam politik negara ibaratkan telur di hujung tanduk. Keupayaan Keadilan meraih sokongan kaum Cina dan India menerusi penampilan pemimpin bukan Melayu, mengancam sama sekali kewujudan DAP.

Ramai penganalisis politik melihat pakatan Pas dan Keadilan cukup untuk mewujudkan pakatan ala BN dalam realiti politik kepartian di Malaysia yang berteraskan kaum. Justeru, Pas dengan ideologi agama boleh menarik sokongan orang Melayu manakala Keadilan yang mengetengahkan ideologi keadilan sosial pula boleh memikat sokongan bukan Melayu.

Jika pakatan Pas-Keadilan ini direalisasikan mengikut acuan BN dengan formula perkongsian kuasa Melayu dan bukan Melayu, DAP yang keseorangan tanpa keupayaan menarik sokongan orang Melayu, apalagi menubuhkan kerajaan, pastinya akan berkubur.

Realiti politik negara menyebabkan DAP yang keluar daripada pakatan pembangkang pada November 2001 bagi menjauhi diri daripada Pas untuk mendapatkan semula sokongan pengundi Cina, terus bekerjasama dengan Keadilan di kawasan pilihan raya dengan majoriti Cina pada pilihan raya kali ini walaupun kesepakatan mutlak tidak tercapai.

Bagi DAP, Keadilan yang tidak menyerlahkan isu Islam amat diperlukan bagi memancing undi Melayu tanpa menghilangkan sokongan kaum Cina. Dalam erti kata lain, pakatan ala BN boleh diwujudkan di antara DAP dan Keadilan. Pakatan itu dilihat menyekat pakatan Pas-Keadilan, sekali gus menjamin kelangsungan DAP.

Hakikat inilah yang mungkin mendorong, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, melontarkan idea penggabungan DAP dengan Keadilan pada sidang media di ibu pejabat parti itu kelmarin selain mengadakan kerjasama di antara kedua-dua parti pembangkang itu kononnya bagi mencapai tiga matlamat penting.

Mengikut apa yang dinyatakan Kit Siang, tiga matlamat itu ialah memulihkan demokrasi yang bermakna; mewujudkan tadbir urus yang baik, bersih, cekap dan tidak rasuah serta kerajaan yang boleh dipercayai dan mempertahankan kontrak sosial Merdeka berusia 46 tahun bahawasanya Malaysia adalah negara demokrasi sekular dengan Islam sebagai agama rasmi, bukan negara Islam.

Sekularisme inilah yang menjadi asas manifesto DAP pada pilihan raya kali ini. DAP dengan lantang menolak hakikat Malaysia adalah negara Islam. Bagi parti berteraskan kaum Cina itu, Malaysia adalah negara sekular dan harus kekal sekular, iaitu warisan kemerdekaan. Malah, dakwa DAP, Malaysia kini diancam unsur yang ingin menjadikannya negara Islam dan mengajak rakyat menolak percubaan itu.

Bagaimanapun, Kit Siang berkata, DAP hanya akan bersedia mengadakan kerjasama erat serta seandainya Keadilan sanggup keluar daripada pakatan pembangkang yang pada pandangan beliau, lumpuh kerana Dokumen Negara Islam Pas. Kit Siang juga mahu Keadilan membebaskan diri daripada Pas serta perhambaan kepada matlamat Negara Islam Pas sebelum kedua-dua parti itu boleh menimbang kemungkinan untuk bergabung.

Syarat yang dikenakan Kit Siang itu tidak mungkin dipersetujui Keadilan yang sebahagian besar daripada pemimpinnya adalah bekas ahli Umno sebelum disertai pemimpin pergerakan agama dan badan bukan kerajaan (NGO). Justeru, kekuatan Keadilan adalah kerana sokongan orang Melayu. Tanpa sokongan orang Melayu, Keadilan tentunya berkubur seperti parti serpihan

Umno yang lain sebelum ini.

Bagaimanapun, pemimpin Keadilan, selepas semuanya kecundang kecuali Presidennya, Datin Seri Wan Azizah Ismail, yang berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh selepas pengiraan semula undi, sehingga kini belum menyambut cadangan penggabungan yang dilontar Kit Siang.

Hanya Naib Presidennya, Mohd Azmin Ali, yang sekadar berdiplomasi apabila menyatakan partinya itu sentiasa membuka pintu bagi mengadakan perbincangan dengan mana-mana pihak termasuk DAP bagi mengukuhkan kerjasama parti pembangkang dan meminta DAP khususnya Kit Siang supaya menangguhkan sementara hasrat untuk berunding kerana Keadilan ingin memberi tumpuan terhadap kegagalan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengendalikan pilihan raya umum kali ini dengan baik.

Reaksi hambar Keadilan sudah diduga. Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan pemimpin Keadilan turut mencurigai kenyataan Kit Siang yang turut menghentam Keadilan pada sidang media yang sama. Kata Kit Siang, sikap negatif pemimpin pembangkang, termasuk Keadilan, menyebabkan DAP kehilangan satu kerusi Parlimen dan dua kerusi DUN di Perak.

"DAP tentu akan memenangi kerusi Parlimen Taiping dan DUN Bercham dan Simpang Pulai jika Keadilan tidak menjadi pengacau apabila calonnya bukan saja menafikan kemenangan DAP di ketiga-tiga kerusi itu, tetapi turut hilang wang deposit," kata Kit Siang yang memenangi kerusi Parlimen Ipoh Timor selepas diberi laluan calon Keadilan untuk pertarungan satu lawan satu DAP dan BN.

Walaupun Kit Siang pada satu lagi sidang media semalam menafikan cadangan penggabungan DAP dan Keadilan sebagai meraih sokongan Melayu, realiti politik Malaysia menyanggah penafian beliau. Tentunya Kit Siang dan DAP tidak dapat menyorok hakikat Kerk dan "3B + 1B", iaitu orang Melayu tidak menyokong DAP apabila setiausaha agungnya dan semua calon Melayunya di tiga kerusi Parlimen dan satu DUN itu tewas kepada calon BN.